

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RAT 431 - Teori Seni Bina

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. James Marston Fitch menyifatkan seni bina sebagai persekitaran ketiga yang menghubungkan di antara manusia dan alam. Persoalan mengapa kita membina bangunan dikaitkan dengan survival manusia supaya perancangan persekitaran ini dapat menjamin keselamatan, keselesaan dan lebih produktif.

Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan peranan anda sebagai seorang pereka/pembina supaya perancangan persekitaran dapat memenuhi tujuan, kehendak, kemahuan dan juga mencerminkan nilai-nilai kehidupan manusia.

( 25 markah )

2. Berdasarkan ulasan bacaan yang telah anda lakukan, bincangkan falsafah rekabentuk salah seorang arkitek dan implikasi falsafah yang dipaparkan melalui hasil kerjakerja beliau.

( 25 markah )

3. Kemajuan Seni Bina Moden tidak ditonjolkan melalui teknologi sebagaimana yang terdapat pada bangunan. Sebaliknya gabungan bentuk menjadi simbol yang ketara bagi orang ramai.

Bincangkan konsep teknologi dan bentuk yang selari dalam bangunan berpandukan seni bina berteknologi tinggi (high-tech architecture).

( 25 markah )

...2/-

BAHAGIAN B

4. Jelaskan definisi estetik dalam Seni Bina?

Apabila anda mengatakan sesebuah bangunan itu cantik atau sebaliknya, apakah dasar yang dapat menyokong pendapat tersebut?

Bincangkan.

( 25 markah )

5. Apakah dikotomi (dichotomy) dalam Seni Bina? Beri tiga contoh di mana dikotomi digunakan dalam rekabentuk.

( 25 markah )

6. "Alam semulajadi telah menjadi sumber ilham secara berterusan kepada manusia".

Bincangkan kenyataan di atas melalui contoh-contoh kerja tiga orang arkitek, perekabentuk atau pelukis.

( 25 markah )

oooOOooo